

19/06/2002

EON mahu eksport gerabak tarik `trailwagon' ke Asean

Abdul Halim Yusoff

EDARAN Otomobil Nasional Bhd (EON), merancang mula mengeksport `trailwagon' yang dibangunkannya ke beberapa negara Asean mulai tahun depan selepas jualannya kukuh di pasaran tempatan.

Trailwagon itu yang dibangunkan sejak dua tahun lalu mengikut spesifikasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kini sedia untuk dibeli di cawangan jualan EON di seluruh negara.

Trailwagon - gerabak yang boleh ditarik kenderaan di jalan raya - dipasang di Malaysia oleh Tarek Stedele Sdn Bhd (Tarek Stedele) menggunakan teknologi Jerman.

Pengurus Bahagian Perniagaan Antarabangsa EON, Mohd Fawzy A Wahid, berkata syarikat melihat kemungkinan eksport ke Thailand, Indonesia dan Myanmar kerana pengangkutan darat membawa penumpang dan barang penting di negara berkenaan.

"Selain itu, kami juga sudah berunding dengan beberapa negara di Asia Barat untuk kemungkinan eksport," katanya selepas pelancaran trailwagon itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

Trailwagon itu mesti ditarik kenderaan dengan kuasa enjin tidak kurang 1,500 cc (1.5L) seperti Proton Wira Sedan dan had kelajuan maksimum untuknya ditetapkan pada 90 km/j.

Trailwagon itu ditawarkan dalam enam jenis, daripada unit asas sehinggalah yang bertutup dan untuk kegunaan peniaga pasar malam yang lengkap dengan kanopi.

Bagi pasaran tempatan, Mohd Fawzy berkata, syarikat sudah menempah 400 unit dan minat pasaran akan dinilai berdasarkan permintaan terhadap unit berkenaan.

Tanpa menyatakan tempoh unjuran jualan unit berkenaan, Mohd Fawzy, berkata syarikat yakin produk itu mendapat sambutan menggalakkan kerana harga yang munasabah.

Katanya, syarikat menjangka akan balik modal membangunkan produk itu dalam tempoh tiga tahun dan menjelang tempoh itu juga 70 peratus produk itu akan menggunakan komponen tempatan. Trailwagon dihasilkan daripada aluminium dan sekarang dipasang secara komponen tercurai (CKD) menggunakan bahan yang diimport dari Jerman.

Sementara itu, Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Wahab, berkata trailwagon anggun pelbagai guna itu sesuai untuk kegunaan persendirian dan komersial.

"Antaranya ialah mengangkut beg tambahan keluarga, peralatan binaan, hasil pertanian dan barangan pasar malam.

"Dua ratus unit trailwagon sudah diedarkan ke seluruh cawangan jualan EON di seluruh negara manakala 200 unit lagi sedang dihasilkan di kilang," katanya.

Dengan harga daripada RM8,301.65 bagi unit asas dan untuk kegunaan persendirian hingga RM13,160.79 untuk unit berkanopi, trailwagon itu dilengkapi sistem brek, peralatan elektrik, pencangkuk seret, pembias dan tanda had kelajuan, dan simbol berat dengan muatan serta berat kering untuk kegunaan komersial.

Harga yang ditawarkan termasuk kos pemeriksaan kenderaan di Puspakom dan cukai jalan. Trailwagon mampu membawa muatan sehingga 750 kg.

(END)